

29 MAR 2003

Tajol-Lebuh raya

KERAJAAN NEGERI HARAP LEBUHRAYA IPOH-LUMUT DITERUSKAN

PARIT, 29 Mac (Bernama) -- Kerajaan Perak berharap kerajaan pusat akan meneruskan projek Lebuhraya Ipoh-Lumut walaupun Jalan Ipoh-Lumut akan dinaiktaraf menjadi empat lorong.

Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata kerajaan telah menyerahkan projek pembinaan lebuhraya itu kepada Malaysia Resources Corporation Berhad (MRCB) tetapi projek tersebut diambil semua oleh kerajaan pusat.

Beliau berharap kerajaan dapat menyediakan geran kepada kontraktor projek itu bagi meringankan kos yang ditanggung jika projek lebuhraya dilaksanakan kelak.

"Naiktaraf Jalan Ipoh-Lumut iaitu dari Sitiawan ke Jelapang di Ipoh memberikan kelebihan kepada pelawat dari utara untuk ke Lumut tetapi tidak dari selatan kerana mereka terpaksa melalui jalan jauh untuk ke Lumut," katanya kepada pemberita selepas upacara pecah tanah projek menaiktaraf Jalan Ipoh-Lumut yang dilakukan bersama Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu di kompleks tapak gerai buah-buahan Titi Gantung, Bota dekat sini hari ini.

Tajol Rosli bagaimanapun berkata jika kerajaan pusat merancang untuk menaiktaraf jalan dari Simpang Pulai ke Batu Gajah, pembinaan lebuhraya Ipoh-Lumut tidak perlu.

Sementara itu, Samy Vellu berkata keputusan untuk tidak meneruskan pembinaan lebuhraya Ipoh-Lumut dibuat sendiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan jalan dinaiktaraf bagi mengelakkan pengguna dikenakan tol.

"Perdana Menteri mahu jalan tersebut bebas tol kerana tidak mahu menyusahkan rakyat di kawasan berhampiran yang rata-ratanya berpendapatan rendah," katanya.

Samy Vellu berkata kerajaan kini dalam proses menimbang untuk menaiktaraf Jalan Simpang Pulai-Batu Gajah kerana pembinaan lebuhraya memerlukan perbelanjaan RM2 bilion.

"Bagaimanapun, jika kerja naiktaraf Jalan Ipoh-Lumut mencetuskan pembangunan yang begitu pesat di Seri Iskandar dan kawasan-kawasan yang terlibat, kita mungkin akan fikirkan pembinaan lebuhraya. Kita tengok dulu pembangunan yang ada," katanya.

-- BERNAMA

KAY LYY LAT